Source: *Berita Harian,* p4
Date: 10 September 2023

Pelajar disleksia boleh cemerlang, tubuh niaga bantu suri rumah, warga emas

UNTUK AMAL: Dua aksesori fesyen yang direka dan dijahit Cik Nuryanee Anisah Mohamed Noor menggunakan sisa fabrik ini dibeli pada harga $600 di acara amal Persatuan Disleksia Singapura (DAS) pada Ogos. – Foto DAS

▶ **NUR DHUHA ESOOF**
nurdhuha@sph.com.sg

Perjalanan pembelajaran Cik Nuryanee Anisah Mohamed Noor sebagai seseorang yang mengalami disleksia panjang dan penuh liku.

Di Darjah 1, sedang kebanyakan rakan-rakannya sudah lancar membaca dan menulis, beliau masih merangkak.

Setiap minggu beliau perlu mengikuti program kenal huruf di Persatuan Disleksia Singapura (DAS) yang antara lain mengajar tentang bunyi huruf dan cara menggabungkannya untuk menyebut perkataan.

Di sekolah menengah, prestasinya baik namun beliau terpaksa mengulangi Menengah 5 kerana gagal dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) peringkat 'O' setelah mengalami gangguan keresahan yang berpunca daripada disleksia.

Beliau bangkit dan percubaan keduanya membolehkan Cik Nuryanee memasuki Politeknik Singapura (SP) untuk melanjutkan pengajian dalam jurusan pentadbiran perniagaan.

Di SP, beliau bersinar sebagai pelajar yang cemerlang dalam pelajaran dan kegiatan luar darjah sambil terus menangani disleksia yang tidak mempunyai penawar tetapi boleh diuruskan dengan teknik tertentu.

Hari ini, beliau bergelar mahasiswi tahun dua di Sekolah Perniagaan di Universiti Nasional Singapura (NUS).

Beliau juga pengasas bersama perusahaan Commenhers yang menyuntik nafas baru kepada sisa fabrik terbuang.

SUMBANGAN KEPADA DAS

Baru-baru ini, dua aksesori fesyen yang dihasilkan Cik Nuryanee menggunakan fabrik terpakai telah dibeli di acara Makan Malam & Golf Amal DAS pada harga $600 yang disalurkan kepada Dana Dermasiswa DAS.

Acara amal itu bertujuan menyokong lebih ramai kanak-kanak disleksia daripada keluarga berpendapatan rendah mengakses program dan khidmat campur tangan pakar yang tidak diberi bantuan pemerintah seperti program matematik dan program kenal huruf dan bahasa Inggeris.

Lebih 50 peratus pelajar di DAS datang daripada keluarga sedemikian.

Cik Nuryanee, 23 tahun, berkata beliau terharu ada orang sudi membeli barangan yang direka dan dijahitnya sendiri itu, serta menyokong usaha DAS membantu kanak-kanak tersebut.

"Saya rasa usaha saya bersengkang mata menjahit selama beberapa malam itu berbaloi.

"Saya lakukannya demi pertubuhan yang sangat dekat dengan hati saya, yang telah berada di sisi saya saat saya benar-benar memerlukan bantuan," katanya yang mengambil masa sekitar dua minggu untuk menghasilkan beg daripada seluar jean dan jaket tanpa lengan daripada alas plastik itu.

PELAJAR DISLEKSIA BOLEH CEMERLANG

Cik Nuryanee, yang merupakan anak pemain gitar dalam kumpulan Nuradee, Mohd Noor Abdullah, berkata beliau disahkan mengalami disleksia ketika berusia enam tahun dan mula mengikuti program di DAS setahun kemudian ketika di Darjah 1.

"Sebenarnya, memang boleh dijangkakan yang saya mengalami disleksia kerana abang saya juga mengalaminya. Disleksia adalah kondisi turun-temurun," kata anak bongsu dalam keluarga dua beradik itu.

"Di DAS, saya mengikuti program bahasa Inggeris dan matematik seminggu sekali.

"Saya mula memahami bunyi bagi setiap huruf dan saya juga belajar cara menguruskan masa dalam sekitaran sekolah aliran biasa. Ini penting kerana kanak-kanak disleksia mempunyai kesukaran menerima maklumat yang banyak sekali gus. Ini satu kesukaran yang masih saya alami, tetapi saya telah belajar cara menanganinya," tambah beliau.

Cik Nuryanee berkata di NUS, pensyarah mengajar dengan pantas jadi agar tidak ketinggalan, beliau membaca tentang topik yang akan diajar terlebih dahulu sebelum masa kuliah.

Apabila menulis nota, beliau menggunakan pena berwarna-warni dan juga menyertakan grafik atau lukisan. Beliau mendapati cara ini membantunya mengingat maklumat baru dengan lebih mudah.

"Pelajar disleksia boleh berjaya, cuma pada mulanya, di peringkat awal sekolah rendah, memang sukar tetapi kemudian setelah kami faham cara menanganinya, kami juga boleh cemerlang," katanya.

Bagi Cik Nuryanee, beliau bertekad berusaha lebih gigih dalam menangani kesukaran pembelajaran yang dialami ketika di Darjah 6 dan semangat itu diteruskan hingga ke sekolah menengah, menjadikannya setara atau lebih baik berbanding rakan sekelasnya.

Di SP, Cik Nuryanee mengambil bahagian dalam kegiatan yang beliau tidak rasa boleh dilakukannya.

"Sebagai seseorang yang mengalami disleksia, saya mengalami kesukaran berkomunikasi dan menjadi ketua.

"Di SP saya memberanikan diri menyertai pelbagai kegiatan luar darjah dan antara lain berpeluang memimpin jabatan kemanusiaan Palang Merah SP.

"Saya benar-benar memaksa diri saya keluar dari zon selesa saya dan ia membuat saya sedar tentang kebolehan saya," katanya yang dimasukkan dalam Senarai Kepujian bagi ketiga-tiga tahun pengajiannya.

USAHA BANTU SURI RUMAH, WARGA EMAS

Ketika menuntut pada tahun dua di SP, beliau bersama empat temannya menubuhkan Commenhers yang memberi nafas baru kepada sisa fabrik terbuang.

Pada awalnya produk-produk tersebut dijahit beliau dan teman-temannya namun kemudian mereka melihatnya sebagai peluang baik untuk memperkasa golongan suri rumah dan membantu mereka meraih sumber tambahan.

Pasukan penjahit itu telah berkembang daripada tiga orang pada awalnya kepada 40 orang kini. Mereka terdiri daripada warga emas, suri rumah dan tukang jahit tempatan.

Commenhers telah melancarkan dua ruang menjahit bersama di Toa Payoh dan Yuhua.

Ia juga sedang memberi lebih tumpuan kepada kerjasama perniagaan-ke-perniagaan (B2B) dan tahun ini sedang bekerjasama dengan syarikat seperti Gain City dan Decathlon serta beberapa syarikat yang mengubah suai sisa fabrik mereka untuk diberi nafas baru atau 'upcycle'.

> "Pelajar disleksia boleh berjaya, cuma pada mulanya, di peringkat awal sekolah rendah, memang sukar tetapi kemudian setelah kami faham cara menanganinya, kami juga boleh cemerlang... Sebagai seseorang yang mengalami disleksia, saya mengalami kesukaran berkomunikasi dan menjadi ketua. Di SP (Politeknik Singapura) saya memberanikan diri menyertai pelbagai kegiatan luar darjah dan antara lain berpeluang memimpin jabatan kemanusiaan Palang Merah SP. Saya benar-benar memaksa diri saya keluar dari zon selesa saya dan ia membuat saya sedar tentang kebolehan saya."
>
> **– Cik Nuryanee Anisah Mohamed Noor.**

Commenhers, yang pada 2022 mengubah suai lebih 700 kilogram sisa fabrik, kini dikendalikan Cik Nuryanee dan seorang lagi pengasas bersamanya.

Barangan yang dihasilkan daripada sisa fabrik itu boleh didapati di laman web Commenhers atau di kedai-kedai 'pop-up' namun Cik Nuryanee berkata penjualan boleh dipertingkatkan lagi.

"Saya rasa orang ramai agak keberatan membeli barangan yang dibuat daripada fabrik terpakai. Jadi kita perlu memberitahu orang ramai tentang usaha 'upcycle' dan kisah kita.

"Apabila mereka membeli barangan Commenhers, harganya lebih tinggi sedikit tetapi saya rasa apabila mereka tahu siapa yang kami bantu – bumi dan benefisiari yang bekerjasama dengan kami – saya rasa mereka akan lebih terbuka untuk membeli barangan kami dan mengulangi pembelian dengan kami," katanya.

Cik Nuryanee merancang mengendalikan Commenhers secara sepenuh masa selepas tamat pengajian kelak, atau bekerja dengan sebuah pertubuhan sosial atau kemampanan yang membolehkannya menyumbang kepada bumi atau masyarakat.

Source: Berita Harian © SPH Media Limited. Permission required for reproduction.